

✓

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2004/2005

Oktober 2004

**PMT 111 – Teknologi Maklumat dan Komunikasi  
Dalam Masyarakat**

Masa : 2 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat bercetak, termasuk muka surat ini.

**ARAHAN**

Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian, iaitu **BAHAGIAN A** dan **BAHAGIAN B**.

**BAHAGIAN A (40 markah)**

Bahagian ini mengandungi **SEPULUH (10)** soalan **Jawapan Ringkas**. Jawab **LIMA (5)** soalan sahaja.

**BAHAGIAN B (60 markah)**

Terdapat **LIMA (5)** soalan dalam bahagian ini. Jawab **TIGA (3)** soalan sahaja.

Sila mulakan setiap jawapan di atas kertas yang berasingan.

...2/-

### BAHAGIAN A

Jawab **LIMA (5)** soalan sahaja.

1. Perkembangan teknologi maklumat memberikan implikasi kepada bidang pendidikan, hiburan, industri dan kepenggunaan. Nyatakan **SATU (1)** implikasi yang wujud hasil daripada perkembangan teknologi terbaru ini untuk **setiap** bidang.  
(8 markah)
2. Apakah yang dimaksudkan dengan 'Dunia Tanpa Sepadan' dalam konteks Pembelajaran Kolaboratif? Beri satu contoh bagaimana seorang pendidik dapat mengaplikasi kaedah ini.  
(8 markah)
3. Enjin pencarian (search engines) semakin popular pada masa kini. Terangkan **DUA (2)** contoh implikasi teknologi enjin pencarian kepada pendidikan, latihan, penyelidikan dan bidang hiburan.  
(8 markah)
4. Terangkan perbezaan **DUA (2)** teknologi komunikasi tanpa wayar yang popular pada masa kini. Berikan **SATU (1)** contoh yang sesuai untuk mengaplikasi satu daripada teknologi ini untuk pembelajaran.  
(8 markah)
5. Telefon bimbit berkamera adalah satu teknologi komunikasi yang popular kini dan sering digunakan oleh pelbagai lapisan masyarakat. Beri **SATU (1)** kebaikan dan **SATU (1)** keburukan penggunaan teknologi ini dari segi pembelajaran dan hak cipta.  
(8 markah)
6. Kerajaan Malaysia telah mengarah semua warganegara Malaysia menukar Kad Pengenalan mereka kepada satu kad pintar yang dinamakan *My Card*. Berikan **SATU (1)** contoh kebaikan serta **SATU (1)** kelemahan penggunaan kad pintar ini.  
(8 markah)

**BAHAGIAN B**

Jawab **TIGA (3)** soalan sahaja.

- 7) Teknologi komunikasi masa kini memudahkan cara individu mencatatkan pengalaman mereka dan berkongsi maklumat ini melalui satu aplikasi yang dinamakan 'Blogging'. Bincangkan dan beri contoh-contoh bagaimana aplikasi ini dapat membantu penyebaran maklumat dan perkongsian pengalaman untuk sesuatu projek pendidikan.  
(20 markah)
- 8) E-dagang adalah salah satu kaedah alternatif dalam sistem jual-beli dan dapat dilakukan secara elektronik melalui kemudahan Internet. Secara amnya e-dagang membawa kesan kepada masyarakat dan budaya masa kini. Senaraikan **DUA (2)** kebaikan dan **DUA (2)** keburukan aplikasi e-dagang dalam pemilihan buku teks.  
(20 markah)
- 9) Pada masa kini ramai pendidik berpendapat bahawa semua kursus mereka patut diubahsuai kepada bentuk e-pembelajaran (e-Learning). Terangkan **DUA (2)** kelemahan dan **DUA (2)** kebaikan jika sesuatu kursus diubahsuai untuk mengambil kira ciri-ciri e-pembelajaran.  
(20 markah)
- 10) Program *The Teaching of Science and Mathematics in English* (ETeMS) sedang dilaksanakan di peringkat sekolah. Bincangkan impak dan kesesuaian program ini dari segi penggunaan bahan multimedia yang dibekalkan kepada guru-guru oleh Kementerian Pendidikan Malaysia berbanding dengan bahan yang dihasilkan oleh guru-guru itu sendiri.  
(20 markah)
- 11) Teknologi komunikasi masa kini telah memudahkan cara individu berkomunikasi dan berhubung tanpa adanya sekatan. Bincangkan dan beri definisi serta contoh-contoh bagaimana E-mel, IRC (Internet Relay Chat) dan telesidang mempengaruhi perubahan ini.  
(20 markah)